

03 AUG 1996

Anwar-gangguan

TALIAN TENAGA ALTERNATIF PERLU DICARI, KATA ANWAR

KANGAR, 3 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim malam ini berkata gangguan bekalan elektrik yang melanda Semenanjung Malaysia sejak petang tadi tidak boleh diterima dan satu sistem pengagihan tenaga perlu dicari.

"Saya rasa ini seharusnya tidak boleh diterima melainkan berlaku bencana atau kecemasan. Tetapi ini adalah soal sistem, jika kita hanya bergantung kepada satu talian, kita perlu mencari alternatif lain," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis makan malam jawatankuasa perhubungan Umno negeri di sini.

Majlis yang berlangsung di Kangar Travel Lodge itu dapat diteruskan setelah mendapat bekalan tenaga daripada generator Tenaga Nasional Berhad.

Anwar berkata gangguan bekalan tenaga itu juga turut melibatkan pengeluar tenaga persendirian.

Timbalan Perdana Menteri telah dimaklum mengenai gangguan bekalan itu oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie yang menyatakan bahawa bekalan telah dipulihkan secara berperingkat.

Anwar berkata kerugian yang dialami akibat gangguan bekalan itu adalah besar dan menurutnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi ingatan supaya sistem itu disemak semula.

Beliau berkata negara sebenarnya mempunyai bekalan tenaga yang berlebihan.

"Beberapa kawasan kecil telah mendapat elektrik secara berperingkat. Ia perlu dipulihkan secara berperingkat dan dijangka mengambil masa yang panjang," kata Anwar.

Bagaimanapun, keadaan itu tidak akan melarat sampai dua atau tiga hari, tambahnya. -- BERNAMA

IQ OBA